

## **Rawatan kaunseling penyalahgunaan dadah menggunakan strategi motivational interviewing (MI): Satu kajian kes**

### **ABSTRAK**

Kajian kes ini bertujuan untuk melihat kesan rawatan kaunseling penyalahgunaan dadah menggunakan strategi Motivational Interviewing (MI) bagi klien penyalahgunaan dadah yang menjadi Orang Kena Pengawasan (OKP) di Agensi Anti Dadah Kebangsaan di Kota Kinabalu Sabah. Kajian kes ini cuba untuk menjelaskan pelaksanaan rawatan yang dijalankan oleh kaunselor menggunakan strategi MI di dalam sesi kaunseling. Pelaporan kajian kes ini memfokuskan kepada latar belakang klien, latar belakang masalah klien, pengkonsepsian kes, pelaksanaan rawatan dan rumusan kes. Latar belakang klien merangkumi penampilan, tahap kesiediaan untuk berubah dan pencetus kepada ketagihan klien. Di dalam pengkonsepsian kes, penulisan tertumpu kepada rasional penggunaan strategi yang digunakan. Perancangan dan pelaksanaan rawatan kaunseling penyalahgunaan dadah strategi MI ini merangkumi matlamat perubahan, kaedah rawatan, intervensi rawatan dan pengukuran perubahan. Perubahan klien dinilai melalui pemerhatian kaunselor berdasarkan MSE, rekod klien dan perubahan percakapan klien. Rawatan kaunseling sebanyak lapan sesi ini telah dapat membawa perubahan positif terhadap klien. Implikasi dapatan kajian kes ini menunjukkan strategi MI adalah satu pilihan rawatan yang boleh digunakan oleh kaunselor dalam membantu klien penyalahgunaan dadah.